

04 JANUARI 2018

Sindiket daun ketum Ayah Non tumpas

Sindiket daun ketum Ayah Non tumpas

KUALA LUMPUR – Sindiket Ayah Non yang aktif mengedar dan memproses daun ketum tumpas apabila empat lelaki termasuk dalang utamanya ditahan dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Setapak, Wangsa Maju di sini Isnin lalu.

Kesemua lelaki tempatan berusia lingkungan 21 hingga 56 tahun itu ditahan pada pukul 3.45 petang.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim berkata, sindiket tersebut menjadikan rumah yang disewa sebagai makmal memproses daun ketum sejak tiga bulan lalu.

“Hasil pemeriksaan, kita merampas 289.6 kilogram (kg) daun dan air ketum iaitu daripada 217 bungkus plastik air ketum, terdapat 96 bungkus plastik daun ketum dan sebuah besen berisi daun ketum seberat 20kg.

“Kesemua rampasan bernilai RM6,376 dan bekalan air ketum itu dipercayai untuk dipasarkan sekitar kawasan ibu kota,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini semalam.

Menurut Mazlan, modus operandi sindiket itu ialah mereka akan membawa daun ketum seberat 50kg hingga 60kg yang diperoleh dari Kedah ke Kuala Lumpur dengan menaiki bas ekspres menerusi dua penghantaran pada setiap minggu sebelum diproses dan dijual melalui ejen pada harga RM10 sebungkus.

“Dalang utama iaitu Ayah Non mempunyai enam rekod jenayah lampau dan dua orang lagi lelaki positif dadah. Sindiket itu dipercayai mampu meraih keuntungan berjumlah RM19,000 sebulan,” ujarnya.



MAZLAN (kanan) menunjukkan daun dan air ketum yang dirampas pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur semalam.